

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

TARIKH : **6 September 2017**
TEMPAT : **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Blok C, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah, Melaka**
JAM : **8.00 malam – 10.30 malam**

AGENDA:

1. Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Laporan Aktiviti ECKM 2017
5. Pembentangan Laporan Status CoP
6. Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
7. Pembentangan Laporan Program Persada Minda @ JKR 2017
8. Hal-hal lain
9. Penutup

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Cawangan
1.	YBrs. Mohd. Rahim bin Kawangit	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2.	YBrs. Sr. Roznita binti Othman	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3.	Pn. Aida Nuraini Abd Jalil	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
4.	Sr. Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimeh	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
5.	En. Razman bin Abd Rani	Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
6.	Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan	Cawangan Jalan
7.	Cik Nor Hayati binti Yahya	Caw. Kerja Bangunan Am 1
8.	Pn. Norsyazwina binti Lokman	Caw. Kerja Bangunan Am 2
9.	En. Azizul bin Ahmad Azly	Caw. Kerja Keselamatan
10.	Pn. Azlina binti Abdul Aziz	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
11.	Pn. Siti Wahida binti Sulaiman	Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
12.	En. Muzamir Izham Mustafa	Caw. Kerja Kesihatan
13.	Pn. Zainon Binti Tohid	Cawangan Arkitek
14.	Pn. Hanifah binti Abdullah	Cawangan Kejuruteraan Elektrik
15.	En. Kamal Bahrin Jaafar	Cawangan Kejuruteraan Cerun
16.	En. Azraie bin Abd Jalal	Cawangan Kejuruteraan Cerun
17.	Pn. Arbaah Abu	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
18.	Ir. Kanagarajah Rasiah	Cawangan Kejuruteraan Geoteknik

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

19.	Pn. Wdh Hanum binti Dollah	Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
20.	Pn. Wan Fatin Athirah binti Romlee	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
21.	Pn. Nozie Yanti binti Nordin	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
22.	Pn. Roslina binti Koming @ Hj. Abd Aziz	Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga
23.	Pn. Nor Akma binti Abdul Rahman	Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur
24.	Ir. Fithry bin Mohd Amir	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
25.	Pn. Nur Amalina binti Mat (Urusetia)	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
26.	Pn. Nor Parzila binti Abdul Ghaffar (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
27.	Pn. Khairunnisa binti Mohd Hairuddin (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	JKR Negeri
28.	En. Mohd Ali bin Ismail	JKR Terengganu
29.	Ir. Mohd Salleh Othman	JKR Negeri Sembilan
30.	Ir. Muhamad Farid bin Rosli	JKR Selangor
31.	Pn. Marrion Waynor	JKR Wilayah Persekutuan Labuan
32.	En. Abdul Nizam bin Abdullah Sani	JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
33.	Pn. Hamidah binti Mat Rasih	JKR Kedah
34.	En. Azrul Hanif bin Ab. Halim	JKR Pahang
35.	En. Zainal bin Abdul Rahman	JKR Kesedaran
36.	En. Mohamad Salehhuddin bin Othman	JKR Perak
37.	En. Zakariah bin Mahat	JKR Johor
38.	En. Wan Mohd Azhary bin Wan Mansor	JKR Kelantan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

PERBINCANGAN MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u>	
1.1	En. Mohd. Rahim bin Kawangit, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada Knowledge Manager kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.	Makluman
1.2	Pengerusi memaklumkan bahawa Dato' Ir. Hj. Mohd Daud bin Harun, Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu telah pun bersara dan beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas jasa dan budi serta mendoakan agar dikurniakan kesihatan yang baik.	Makluman
1.3	Pengerusi turut memaklumkan bahawa pegawai peringkat atasan telah menyedari kepentingan Pengurusan Pengetahuan di jabatan.	Makluman
1.4	Mesyuarat dimaklumkan bersempena mesyuarat ini turut diadakan Bengkel Literasi Maklumat dan Eksplorasi Digital pada 6 hingga 7 September 2017 secara usahamasa diantara CREaTE dan Perpustakaan Negara Malaysia.	Makluman
1.5	Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Kerja Raya telah melancarkan Kursus Pensijilan Pengurus Pengetahuan JKR pada 24 Ogos 2017 dan ianya adalah julung kali diadakan secara usahama di antara JKR dan Knowledge Management Institute (KMI), Amerika Syarikat dan melibatkan 10 peserta dari JKR dari pelbagai cawangan. Fasa pertama secara online telah bermula dan akan disusuli dengan pembelajaran dalam kelas selama lima (5) hari, peperiksaan pada 16 Oktober 2017 dan pembentangan pada November 2017. Program persijilan ini merupakan salah satu Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) CREaTE dan Jabatan untuk mengadakan sebanyak mungkin program persijilan bertaraf dunia untuk manfaat dan kepentingan jabatan.	Makluman
1.6	Pengerusi turut mengucapkan tahniah kepada Unit Enterprise Content & Knowledge Management (ECKM) kerana telah mengenangkan bidang pengurusan pengetahuan di peringkat jabatan dan juga agensi luar. Beliau turut menyatakan bahawa pengurusan pengetahuan adalah keperluan masa hadapan bagi mengurangkan jurang dalam pembangunan dan kemajuan.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

1.7	Pengerusi turut memaklumkan bahawa CREaTE telah membentangkan pencapaian dan <i>way forward</i> dalam menjadikan JKR sebagai pusat pembelajaran terulung dan sedang membangunkan program e-pembelajaran secara online. Diharapkan kakitangan JKR dapat memberi sokongan dalam apa juga inisiatif yang dibangunkan.	Makluman
2.0	<u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u>	
2.1	En. Kamal Bahrin bin Jaafar dari Cawangan Kejuruteraan Cerun memaklumkan terdapat pertukaran Knowledge Manager dan akan menghantar laporan aktiviti perkongsian ilmu sehingga Jun 2017 secepat mungkin	Knowledge Manager
2.2	Pengerusi meminta pihak urusetia untuk mengemaskini data dan maklumat Knowledge Manager	ECKM
2.3	Sr. Roznita binti Othman memaklumkan buku-buku dari perpustakaan JKR telah diterima dan akan direkod sebelum diletak di ruang lobi menara PJD.	ECKM
3.0	<u>Pembentangan Status Pelaksanaan Aktiviti ECKM 2017</u>	
3.1	Sr. Roznita binti Othman membentangkan status pelaksanaan aktiviti ECKM 2017 sehingga Ogos 2017 serta perancangan aktiviti sehingga hujung Disember 2017.	Makluman
3.2	Beliau memaklumkan kursus pra pembangunan e-pembelajaran telah diadakan pada 14 hingga 16 Julai 2017 yang melibatkan pegawai CREaTE dan juga SME. Sebanyak 11 buah kursus telah dibangunkan. Tiga (3) modul akan dibangunkan pada tahun 2017 dan dalam proses perolehan sebutharga.	Makluman
3.3	Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Persada Minda @ JKR telah diadakan dengan jayanya pada 15 dan 16 Ogos 2017. Ucapan penghargaan telah diberikan kepada JKR Perak kerana sama-sama membantu mendapatkan bahan-bahan program disamping mengenalpasti pegawai-pegawai JKR yang terlibat di dalam projek Pembinaan Jalan Raya Timur Barat (Gerik - Jeli).	Makluman
3.4	Beliau juga memaklumkan bahawa program KM Assessment telah dilaksanakan pada 28 dan 29 Ogos 2017 yang melibatkan Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG), Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) dan Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CAST). Laporan akan disediakan dan akan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Portfolio.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

3.5	Tuan Pengurus mencadangkan untuk diadakan program <i>team building</i> bagi Knowledge Manager sebagai salah satu (1) program untuk memberi kesedaran tentang pengurusan pengetahuan di kalangan Knowledge Manager Cawangan dan JKR Negeri.	ECKM
4.0	<u>Pembentangan Laporan Status CoP</u>	
4.1	Sr. Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP dan CoP terkini.	Makluman
4.2	Mesyuarat dimaklumkan sehingga 5 September 2017, untuk status JCoP, sebanyak 4128 post merangkumi soalan, jawapan dan komen telah direkodkan manakala page views adalah sebanyak 133,225 dengan pengguna berdaftar JCoP seramai 2523 orang. Bilangan soalan yang belum berjawab adalah 82 soalan.	Makluman
4.3	Mesyuarat dimaklumkan untuk Knowledge Manager yang belum berdaftar dan lupa katalaluan, boleh dibuat melalui portal JCoP.	Makluman
4.4	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Bengkel CoP Health Check yang telah diadakan pada 20 dan 21 Julai 2017 di JKR Port Dickson. 5 domain CoP telah hadir iaitu CoP Project Management, CoP Structure, CoP Green, CoP Assets and Facilities Management dan CoP Contract Management	Makluman
5.0	<u>Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal</u>	
5.1	Pn. Arbaah binti Abu selaku Knowledge Manager dari JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal(CKM) membentangkan laporan pembudayaan ilmu yang dijalankan di CKM.	Makluman
5.2	Antara program-program pembudayaan ilmu yang dijalankan adalah Kursus dan bengkel, Cakap-Cakap Teknikal, Ceramah Integriti dan Ceramah Agama, Taklimat Produk dan Lawatan Kilang.	Makluman
5.3	Beliau turut melaporankan status bilangan program:- - Telah dijalankan : 86 bilangan - Dirancang: 22 bilangan	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

6.0	<u>Pembentangan Laporan Program Persada Minda @ JKR 2017</u>	
6.1	En. Razman bin Abd Rani, Ketua Unit Perpustakaan JKR membentangkan Laporan Program Persada Minda @ JKR 2017 yang telah diadakan pada 15 dan 16 Ogos 2017 bertempat di Dewan Tan Sri Mafoz Khalid, Kuala Lumpur.	Makluman
6.2	Mesyuarat dimaklumkan program yang bertemakan “Inspirasi Minda Merdeka” ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara serta pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya. Seramai 700 orang peserta telah hadir.	Makluman
6.3	Antara aktiviti yang dijalankan adalah pelancaran buku bertajuk “Isu-isu Perundangan Berkaitan kontrak Binaan” yang ditulis oleh Sr. Amran bin Mohd Majid. Turut diadakan adalah penyampaian sijil penghargaan JCoP, JPedia dan peminjam buku terbanyak kepada warga JKR yang terpilih.	Makluman
6.4	<p>Antara program lain adalah :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perkongsian Ilmu “Detik Cemas Mavi Marmara” oleh En. Ashwad bin Ismail, ASTRO Awani - Perkongsian Ilmu “Yayasan Chow Kit (YCK)” oleh Dr. Hartini binti Zainudin, Pengasas Yayasan Chow Kit - Sesi Bual Bicara “Wira Yang Tidak Didendang – Kisah Pembinaan Jalan Raya Timur Barat (Gerik – Jeli)” oleh Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan, Y.Bhg. Dato' Ir. I. Dorairajoo, Tuan Ir. Yap Kannan, Tuan Haji Ir. Mohd Aminudin bin Md Amin, Kolonel (B) Kamaludin bin Samad dan Moderator Tuan Ir. Zulkifli bin Ahmad - Sesi Bual Bicara “Menelusuri Minda Merdeka” -YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, Sejarawan Negara, YBhg. Datin Paduka Shuhaimi binti Baba, Pengarah Filem dan Pn. Norlaili binti Salleh dan Moderator En. Mohammed Shahril bin Sarapudin - Persembahan deklamasi sajak yang bertajuk “Inspirasi Minda Merdeka” - Resensi buku 99 Kata – Kata #QalifModen yang mana telah diangkat sebagai Buku Paling Popular sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 	Makluman
6.5	Turut dibentangkan komen dan cadangan penambahbaikan untuk program tahun akan datang	Makluman


**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2017)**

	<u>Hal-Hal Lain</u>	
7.0		
7.1	Sr. Roznita binti Othman memaklumkan Unit ECKM telah membuat inisiatif dengan menyediakan <i>Knowledge Management Toolbox</i> sebagai panduan dan rujukan Knowledge Manager. Salah satu tools adalah <i>Peer Assist</i> , yang merupakan satu cara perkongsian ilmu serta pembelajaran di kalangan pasukan projek.	Makluman
7.2	Pengerusi memaklumkan bahawa salah satu KPI Pengarah Cawangan dan JKR Negeri/ Wilayah adalah dua (2) Project Lessons Learned (PLL) setiap tahun. Diharapkan pegawai-pegawai JKR dapat memanfaatkan hasil penemuan bagi meningkatkan produktiviti kerja.	Makluman
7.3	Ir Muhamad Farid bin Rosli, Knowledge Manager dari JKR Negeri Selangor mencadangkan agar video Pembinaan Jalan Raya Timur Barat (Gerik – Jeli) dimuatnaik di Facebook untuk perkongsian dengan warga JKR.	Perpustakaan, CDPK
7.4	Selain itu, beliau turut mencadangkan agar program-program anjuran JKR dibuat secara live di Facebook bagi tontonan warga kerja.	Knowledge Manager Cawangan/ Negeri/ Wilayah
8.0	<u>Penutup</u>	
8.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	Makluman

Disediakan Oleh :


Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar
 Jurutera Awam J41
 Unit ECKM
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Disemak Oleh :


Sr. Roznita Binti Othman
 Pengarah Kejuruteraan
 Unit ECKM
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Di ~~setahketa~~ Oleh :


Mohd Rahim Bin Hj. Kawangit, AMP
 Pengarah
 Bahagian Pengurusan Projek Kompleks
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

**MAKLUMBALAS TINDAKAN PERKARA BERBANGKIT
DI MESYUARAT JKPPPI 3/2017 (6 SEPTEMBER 2017)**

RUJUKAN MINIT MESYUARAT	PERKARA BERBANGKIT	MAKLUMBALAS
2.1	Pengurus Pengetahuan yang masih belum menghantar laporan aktiviti Perkongsian Ilmu 2017	Pengurus Pengetahuan maklumbalas segera dipohon untuk memberi maklumbalas
7.3	Cadangan video Pembinaan Jalan Raya Timur Barat (Genik – Jeli) dimuatnaik di Facebook untuk perkongsian dengan warga JKR.	Unit Perpustakaan dipohon untuk memberi maklumbalas

Disediakan untuk Mesyuarat JKPPPI bil. 4/2017